

KENYATAAN MEDIA

15 JULAI 2019

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Suruhanjaya Tenaga Pastikan Keselamatan Elektrik di Pusat Jagaan**

**Rawang, 15 Julai** – Sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Suruhanjaya Tenaga (ST) pada tahun ini telah melancarkan siri program *Touchpoint* di mana ST membantu premis institusi-institusi yang tidak berkepentingan (*non-profit institutions*) serta golongan yang tidak berkemampuan untuk memastikan penggunaan elektrik adalah selamat. Inisiatif ini dilakukan melalui pemeriksaan dan baikpulih sistem pendawaian elektrik di pusat jagaan berkenaan.

Bagi program kali ini, Pusat Jagaan Titian OKU Nur, Rawang telah dipilih, di mana ST menjalankan pemeriksaan dan penambahbaikan terhadap sistem pendawaian elektrik, serta memberi khidmat nasihat terhadap keselamatan elektrik dan penggunaan peralatan elektrik yang cekap tenaga dan selamat.

Sebanyak RM10,000 diperuntukkan untuk program yang dikendalikan oleh Pejabat Kawasan ST (Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya) ini, di mana kos ini meliputi kerja-kerja pendawaian, pengujian serta pemasangan kelengkapan elektrik seperti kipas dan lampu.

Pengarah Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Mohd Elmi Anas berkata, program CSR yang dilakukan secara berterusan sepanjang tahun ini diharap dapat meningkatkan aspek keselamatan elektrik bagi pusat-pusat kebajikan yang memerlukan, serta meningkatkan

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

kesedaran masyarakat umum mengenai kepentingan pendawaian dan penggunaan elektrik secara selamat dan cekap.

“Program ini juga diharap dapat membantu golongan yang tidak berkemampuan serta meringankan beban yang ditanggung pihak pengurusan rumah-rumah kebajikan yang terlibat,” katanya.

Program CSR kali ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan kontraktor elektrik yang ditauliah oleh ST dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) di kawasan Rawang.

Program *Touchpoint* ini telah dijalankan di Sandakan dan Melaka sebelum ini, dan akan diteruskan di beberapa negeri lain di masa hadapan termasuk di Johor, Pulau Pinang, dan Kelantan.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/03 8870 8661/013 2183778 (Zairulliati)/016 5298503 (Harith)*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.